

Lions Club Mandarin W.P. Labuan Bantu Murid Sekolah Menengah St. Anthony Wilayah Persekutuan Labuan



LABUAN Lions Club Mandarin telah mengadakan salah satu projek amal membantu murid-murid dari keluarga berpendapatan rendah dalam bentuk pemberian kupon pemakanan berkhasiat. Pengerusi Lions Club Mr. Chin Kin Yin menyatakan sejumlah RM7500.00 diberikan kepada 10 orang murid terpilih di Sekolah Menengah St. Anthony W.P.Labuan. Encik Chin Kin Yin dalam ucapan beliau semasa majlis penyerahan sumbangan di SM. St. Anthony pada 31 Januari 2018, berharap dengan sumbangan dapat meringankan beban ibu bapa sekaligus menyokong para pelajar untuk meneruskan persekolahan mereka.

Puan Dona Binti Undoh selaku Pengetua sekolah SM. St.

Anthony, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keperihatinan pihak Lions Club Mandarin Labuan. Menurut beliau pemilihan pelajar bagi program ini bukan sahaja dari latar belakang keluarga, tetapi juga aspek sahsiah, kehadiran ke sekolah dan pencapaian akademik. Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Encik Yee Choon Hian atas usaha mengadakan program jaringan dengan pihak NGO ini.



En Tan Chin Fah, President Lion Clubs Mandarin Labuan semasa menyampaikan ucapan di Majlis Serahan cek bernilai RM7500.00 di Sekolah Menengah St. Anthony WP Labuan



Gambar 10 orang murid terpilih sebagai penerima bantuan Lions Club Mandarin Labuan